

03/12/2001

Haram sokong operasi Amerika di Afghanistan

Mona Ahmad

PETALING JAYA, Ahad - Ijtimak Khas Ulama Malaysia mengenai isu Afghanistan hari ini membuat ketetapan bahawa sebarang bentuk sokongan sama ada secara langsung atau tidak terhadap operasi ketenteraan Amerika Syarikat di Afghanistan atau mana-mana negara Islam lain sebagai haram.

Ijtimak itu juga menetapkan serangan Amerika ke atas Afghanistan dan mana-mana negara Islam lain atas nama memerangi keganasan adalah suatu bentuk serangan ke atas Islam dan umat Islam.

Sehubungan itu, umat Islam diajak memulau semua barang, perkhidmatan dan kegiatan sosial Amerika Syarikat.

Ketetapan itu adalah antara resolusi 16 perkara yang diluluskan pada ijtimak sehari anjuran bersama Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Persatuan Ulama Kedah (PUK) di Hotel Singgahsana di sini. Ijtimak itu disertai kira-kira 50 ulama seluruh negara.

Yang Dipertua PUM, Abdul Ghani Samsudin, berkata resolusi itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menteri Kabinet, Sekretariat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Liga Arab, pemimpin negara Asean dan organisasi Islam tempatan serta antarabangsa.

Malaysia sejak awal lagi menentang serangan Amerika ke atas Afghanistan, walaupun menyokong gerakan antarabangsa memerangi keganasan.

Abdul Ghani berkata, jihad adalah kewajipan yang dituntut ke atas setiap umat Islam untuk mempertahankan bumi umat Islam di Afghanistan atau mana-mana negara Islam di seluruh dunia dari diserang musuh Islam.

"Berjihad sama ada dalam bentuk jiwa raga atau harta benda adalah kewajipan syarii untuk dilaksanakan semua umat Islam," katanya.

Resolusi lain ialah:

- * Menyatakan simpati kepada keluarga mangsa tragedi 11 September lalu (New York dan Washington), sekali gus juga menyatakan simpati kepada seluruh mangsa rakyat Afghanistan akibat serangan Amerika dan sekutunya;

- * Mendesak Amerika dan Britain menghentikan serta-merta operasi ketenteraannya ke atas Afghanistan dan semua tentera mereka mesti keluar segera dari bumi Afghanistan dan bumi mana-mana negara Islam.

- * Mendesak ketua negara Asean mengusulkan kutukan terhadap serangan Amerika ke atas Afghanistan dan serangan itu mesti dihentikan serta-merta dan membantah campur tangan Amerika dan sekutunya dalam politik Afghanistan;

- * Menggesa semua individu dan badan Islam bersatu mengutuk serangan Amerika ke atas Afghanistan dan bantuan dalam apa bentuk sekali pun dihantar segera kepada rakyat Afghanistan yang menjadi mangsa;

- * Menggesa Kerajaan Malaysia tidak menyekat rakyat untuk menyatakan bantahan ke atas tindakan Amerika melalui perhimpunan aman;

- * Mendesak Kerajaan Malaysia tidak memberi sokongan sama ada secara langsung atau tidak terhadap tindakan Amerika menyerang Afghanistan, mahupun negara Islam lain;

- * Menggesa media massa Malaysia supaya tidak terperangkap dengan strategi media Barat yang berusaha memburukkan imej Islam dan gerakan Islam sama ada pada peringkat nasional, mahupun antarabangsa;

- * Menggesa umat Islam seluruh Malaysia bersatu menentang usaha kuasa imperialis Barat, terutama Amerika yang disokong gerakan Zionis Yahudi, yang secara terus-terusan cuba menguasai umat Islam dalam pelbagai bidang;

- * Menyeru semua masjid di Malaysia meneruskan pengemblengan umat Islam untuk mengumpul sumbangan wang bagi membantu meringankan penderitaan umat

Islam di Afghanistan dan mengintensifkan solat hajat memohon kepada Allah menghancurkan kezaliman musuh Islam, terutama Amerika; dan

* Mendesak OIC mengadakan sidang khas bagi membantu menyelesaikan krisis di Afghanistan melalui desakan menuntut Amerika dan sekutunya agar menghentikan serangan ke atas Afghanistan. OIC juga hendaklah membantah keras Amerika yang mengugut menyerang umat Islam lain atas nama memerangi keganasan.

Resolusi itu turut menyeru seluruh umat Islam dan pemerintah agar tidak berasa sangsi dan keliru dengan krisis yang sedang berlaku.

Sementara itu, Abdul Ghani dalam ucapatama pada majlis itu berkata, Amerika bukan saja mencabul asas perundangan dan kehakiman, malah hubungan antarabangsa yang berasaskan negara yang berdaulat berikutan tindakannya menyerang Afghanistan.

"Negara Islam dan berkecuali perlu bekerjasama mengembalikan semula perundangan dan dasar serta prinsip keadilan bagi membolehkan keamanan terus dipertahankan," katanya.

Katanya, kempen membenci dunia Arab dan Islam yang dilancarkan media Barat dan Amerika berjaya menghasilkan banyak tindakan ganas dan pencabulan hak asasi kemanusiaan umat Islam di Barat dan Eropah.

Katanya, ulama bertanggungjawab menggerak dan meningkatkan amalan Islam yang menyeluruh untuk membentuk barisan bersama yang mampu membentuk kedamaian pada masa depan.

(END)